



Ruj. Kami: PSIS/600-1/2 Jld 8 (8)

Tarikh : **27** Mei 2020

**Kepada Sesiapa Yang Berkenaan**  
**(Organisasi Latihan Industri Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah)**

Ybhg./YBrs.Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PINDAAN TARIKH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) PELAJAR  
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH BAGI SESI JUN 2020 PASCA PENGUATKUASAAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan *Pelaksanaan Latihan Industri (LI) Dan Work Based Learning (WBL) Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti Malaysia Bagi Sesi Jun 2020 Pasca Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)* yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pada 18 Mei 2020, ketetapan pelaksanaan LI Jun 2020 telah dipinda dari 29 Jun 2020 hingga 13 November 2020 ke satu tarikh baharu iaitu **13 Julai 2020 hingga 27 November 2020**. Pindaan ini dibuat dengan mengambil kira isu kesihatan, kebajikan dan keselamatan serta mengurangkan risiko pelajar terdedah dengan wabak COVID-19 termasuk kesediaan kebanyakan industri yang terkesan dengan penularan wabak pandemik ini.

3. Sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri, Politeknik Sultan Idris Shah di talian **03-32806234** atau melalui e-mel [upli@psis.edu.my](mailto:upli@psis.edu.my).

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ISHANUDDIN BIN HUSSIN)**

Pengarah  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Selangor